

DFKL 2019 cari selebriti media sosial

PENTAS Siri Jelajah Drama Festival Kuala Lumpur 2019 (DFKL 2019) memperkenalkan satu elemen baharu yang ditambah dalam meluaskan pencarian bakat di negara ini iaitu membuka ruang kepada bakat selebriti media sosial atau lebih dikenali sebagai *influencer*.

Sesi uji bakat diadakan di semua lima lokasi Siri Jelajah DFKL 2019 iaitu MSU Shah Alam, Selangor (1 Mac), Universiti Malaya (2 Mac), Universiti Putra Malaysia (3 Mac), Sri Pentas, Bandar Utama (9 & 10 Mac) dan lokasi terakhir di IOI City Mall pada 16 & 17 Mac ini.

Kesemua peserta yang hadir ke sesi uji bakat diuji dengan mengambil kira aspek kreativiti penyampaian berdasarkan topik yang diberi. Antaranya meliputi skop filem, drama, hiburan, makanan, kesihatan,



SESI uji bakat bagi Siri Jelajah DFKL 2019 di Sri Pentas, Bandar Utama, baru-baru ini diadili oleh (dari kiri) pengarah Erma Fatima serta pelakon Ashraf Muslim dan Fasha Sandha.

pelancongan, komedi. kecantikan dan kosmetik.

Menurut Pengurus Besar Kumpulan Pengurusan Jenama dan Rancangan TV3 & TV9, Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad, Siti Nurlisia Mohd. Nadzri, suntikan elemen pencarian selebriti media sosial diadakan dengan tujuan mengikuti peredaran zaman kini yang serba digital.

“Kami mendapati penonton gemar mendapatkan sesuatu informasi menerusi media sosial, jadi projek ini dilihat akan menyempurnakan permintaan penonton.

“Peranan selebriti media sosial yang berjaya terpilih sangat mudah. Mereka hanya perlu membuat ulasan atau reviu bagi mempromosi program serta drama siaran Media Prima

di laman sosial mereka,” ujarnya yang menambah golongan tersebut turut berpeluang membuat liputan dalam mana-mana majlis anugerah anjuran TV3.

Mereka yang berminat menyertai sesi pencarian selebriti media sosial perlu memenuhi syarat ditetapkan iaitu berumur dari 18 hingga 29 tahun, manakala peserta bawah umur perlu mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan penjaga.

Peserta perlu berani berhadapan dengan kamera untuk menyampaikan ulasan secara jujur dan lancar selain kreatif membina ayat untuk kapsyen.

Selain itu, peserta juga perlu mempunyai sekurang-kurangnya 2,000 peminat di laman sosial Instagram.

Untuk rekod, DFKL kini memasuki tahun keenam penganjuran manakala siri jelajah sebegini bertujuan

mencari bakat serta naskhah baharu yang lebih segar untuk menghiasi slot drama di TV3.

Menerusi jelajah yang diadakan, peserta berpeluang mengikuti sesi uji bakat yang memerlukan mereka menepati kriteria penting untuk bergelar pelakon iaitu penampilan menarik, berkeyakinan tinggi, berpakaian kemas dan membuat persediaan awal.

Malah mereka juga boleh menyertai sesi kongsi cerita yang hanya memerlukan peserta menyediakan beberapa bahan iaitu cerita atau idea asal yang mengikut tema DFKL 2019 iaitu *Dunia Realiti Media Sosial* serta cetakan ringkas sinopsis cerita yang ingin dikongsi.

Penganjuran DFKL 2019 tahun ini mengangkat tema *Positif Selalu* dan menampilkan pelakon Izzue Islam dan Janna Nick selaku duta.